



HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA DAN KONGRES PERANCANGAN KEBANGSAAN 2025 : PLATFORM STRATEGIK MEMACU PEMBANGUNAN BANDAR MAMPAN DI MALAYSIA

Putrajaya, 12 Oktober 2025 – Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) merupakan acara tahunan yang disambut oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) sejak tahun 1988 bersama lebih 30 buah negara di seluruh dunia pada 8 November setiap tahun. Bagi tahun 2025, sambutan peringkat kebangsaan akan diadakan lebih awal, iaitu pada 28 Oktober 2025 di Perbadanan Putrajaya selaku Bandar Tuan Rumah (*Host City*).

Bertemakan “**Pembaharuan Semula Bandar: Agenda Perancangan untuk Rakyat**”, HPBS 2025 memberi fokus kepada isu-isu yang menjejaskan kualiti hidup masyarakat bandar, khususnya di kawasan usang, termasuk jurang pendapatan, bebanan kewangan, keharmonian keluarga, keselamatan awam dan imej bandar. Sambutan ini turut diraikan sebagai penghargaan kepada sumbangan perancang bandar dan pengurus bandar, sama ada dari sektor awam mahupun swasta, yang menjadi tulang belakang pembangunan negara.

Pada tahun ini, HPBS dianjurkan melalui kolaborasi strategik antara PLANMalaysia dan Pertubuhan Perancang Malaysia (*Malaysian Institute of Planners – MIP*) menerusi penganjuran Kongres Perancangan Kebangsaan (*National Planning Congress – NPC*) 2025 dan *MyCity Expo 2025*. Penganjuran bersepadu ini menjadi platform penting dalam memperkukuh agenda pembangunan bandar mampan di Malaysia, sejajar aspirasi Malaysia MADANI dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya SDG 11: Bandar dan Komuniti yang Mampan.

Sambutan HPBS ini turut merangkumi penyampaian *Malaysia Urban Planning Award 2025 (MUPA 2025)*, iaitu anugerah berprestij yang menjadi kebanggaan sektor perancangan bandar negara sebagai pengiktirafan terhadap kecemerlangan amalan perancangan di Malaysia. Penyampaian anugerah utama ini akan disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri yang merangkumi anugerah berikut:



- a. Anugerah Perdana Bandar Mampan MADANI 2025;
- b. Anugerah Penarafan Smart Township 2025;
- c. Anugerah Penarafan Smart City 2025: *Leading Smart City*; dan
- d. Anugerah Perdana Amalan Perancangan Terbaik 2025.

Sebagai pengiktirafan tertinggi, satu anugerah khas turut akan disampaikan iaitu *Honorary Fellow MIP*. Anugerah ini diberikan kepada tokoh yang mempunyai latar belakang dalam bidang perancangan bandar, dan yang telah memberi sumbangan bermakna dalam memperkukuh hala tuju pembangunan serta perancangan bandar negara.

Seiring Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Kebangsaan 2025, Kongres Perancangan Kebangsaan (*National Planning Congress – NPC*) 2025 dan *MyCity Expo 2025* merupakan platform perkongsian ilmu yang professional dan dinamik sebagai pengisian substansif sambutan ini. Sepanjang wacana ilmu selama empat (4) hari yang berlangsung dari 28-31 Oktober 2025, pelbagai program berimpak tinggi dirancang sepanjang minggu tersebut seperti:

- i. ***My City Run!*** - yang berlangsung pada 12 Oktober 2025 sebagai inisiatif memupuk budaya hidup sihat serta menyemai semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat bandar yang mampan;
- ii. ***My City Expo*** - sebuah pameran yang mempamerkan inovasi, teknologi, dan solusi terkini dalam perancangan dan pembangunan bandar;
- iii. ***Bengkel Student's Placemaking*** - sebagai usaha memperkasakan perancangan bandar yang inklusif dan berorientasikan manusia, golongan muda dan kanak-kanak turut diberi perhatian dalam kongres ini. Diadakan pada hari ketiga (30 Oktober 2025) sebagai medium perkongsian ilmu antara perancang bandar profesional dan pelajar sekolah menengah; dan
- iv. ***Young Planner's Forum*** - platform wacana intelektual bagi perancang bandar muda dalam membincangkan pelbagai topik berkaitan kemampanan yang akan diadakan pada 30 Oktober 2025.

Inisiatif-inisiatif yang dirangka ini diharap dapat menambah nilai kepada penganjuran Kongres Perancangan Kebangsaan (NPC) secara holistik, menyeluruh dan berimpak



tinggi. Kemuncak kepada penganjuran kongres ini ialah sesi eksklusif bertaraf tinggi, *High-Level Keynote and Dialogue*, yang bakal mempertemukan tokoh-tokoh penting dalam landskap perancangan dan pembangunan bandar serantau iaitu YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YAB Menteri Besar Selangor dan Naib Gabenor Jawa Timur. Penampilan tokoh-tokoh ini, bersama barisan pakar perancangan bandar tempatan dan antarabangsa mencerminkan bahawa NPC bukan sekadar persidangan teknikal biasa, sebaliknya merupakan satu platform berprestij yang mendorong perbincangan strategik, pertukaran ilmu rentas sempadan dan pembentukan idea baharu dalam bidang perancangan bandar dan kemampunan.

Selain sesi utama tersebut, kongres ini turut diserikan dengan satu sesi istimewa bertajuk *Making Cities Work: From the Eyes of a Town Planner*, yang menampilkan para perancang bandar yang kini mengetuai organisasi penting di peringkat tempatan serta sesi *Pocket Talk* yang menampilkan amalan terbaik, teknologi inovatif dan projek rintis dari pelbagai pihak. Ia adalah platform terbaik untuk berkongsi idea, mencipta solusi perbandaran inovatif, membina jaringan dan meninjau pendekatan baharu dalam reka bentuk bandar yang mampan dan inklusif.

Selaras dengan tema Kongres Perancangan Kebangsaan (NPC) iaitu “*AI Meets Urban Planning*”, sebanyak tiga (3) sub-tema utama khusus diketengahkan iaitu :

- i. *Towards Smart Governance: Leveraging AI for Data-Driven Urban Management* – Fokus terhadap memanfaatkan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) untuk pengurusan bandar berasaskan data yang lebih cekap dan responsif.
- ii. *Digital Infrastructure for Resilient Malaysian Cities* – Infrastruktur Digital sebagai pemangkin kepada pembinaan bandar Malaysia yang lebih berdaya tahan, cekap dan mampan.
- iii. *Urban Renewal and Regenerative Cities Through AI Innovation* – Pembaharuan bandar dan pembangunan semula lestari dipacu melalui inovasi Kecerdasan Buatan (AI) ke arah pembentukan bandar regeneratif yang dinamik dan inklusif.



SIARAN MEDIA

PERTUBUHAN PERANCANG MALAYSIA

Sebelum Upacara Pembukaan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Kebangsaan, Kongres Perancangan Kebangsaan dan *MyCity Expo 2025* dimulakan secara rasmi pada 27 Oktober 2025, dua (2) pra-acara akan dianjurkan secara tertutup seperti berikut :

- i. Lawatan Teknikal dan Sesi Perkongsian di *Malaysia Urban Observatory (MUO)*, PLANMalaysia; dan
- ii. Majlis Makan Malam (*Welcoming Dinner*) Kongres Perancangan Kebangsaan (NPC) 2025 anjuran Presiden Perbadanan Putrajaya.

Jangan lepaskan peluang untuk menyertai acara dialog penting dalam membentuk landskap bandar masa hadapan! Daftar sekarang di:
<https://forms.gle/5J8wGRKRsqGceF9H8>

-TAMAT-

PERTUBUHAN PERANCANG MALAYSIA

Pertubuhan Perancang Malaysia (Malaysian Institute of Planners-MIP) ialah organisasi profesional berdaftar keahlian. Ahli-ahli MIP terdiri daripada Perancang Bandar Profesional yang berkelayakan sepenuhnya. Ditubuhkan pada tahun 1972, objektif Pertubuhan Perancang Malaysia adalah "untuk mempromosikan sains dan seni Perancang Bandar untuk manfaat orang ramai...". Sehingga kini, MIP mempunyai seramai 2,533 orang ahli berdaftar yang terdiri daripada Ahli Felo Kehormat, Ahli Felo, Ahli Korporat, Ahli Siswazah, Ahli Bersekutu, dan Ahli Pelajar.

MIP sejak penubuhannya telah memperjuangkan dan menerajui kemajuan dan perubahan dalam amalan perancangan, menangani isu-isu penting kepada profesion perancangan dan kepentingan awam serta menyampaikan faedah dan perkhidmatan yang relevan dan kontemporari kepada ahlinya. Institut turut menyediakan perkhidmatan teras kepada ahlinya seperti melatih dan meneruskan peluang pembangunan profesional; platform untuk berhubung bersama profesion lain; pendedahan dan perhubungan antarabangsa; pengemaskinian maklumat dan pengetahuan tentang agenda global, dasar negara dan negeri serta polisi dan peraturan pihak berkuasa tempatan; dan pengiktirafan untuk amalan perancangan terbaik.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mip.org.my/> atau hubungi Setiausaha Eksekutif di:

Pertubuhan Perancang Malaysia
B-01, 02,
Jalan SS 7/13b, SS7,
47301 Petaling Jaya,
Selangor.
Email: pertubuhanperancang@gmail.com
Telefon: (+603)-78770636/37